



## SIARAN AKHBAR

### DUIT SYILING KENANG-KENANGAN SEMPENA PENAMAAN RASMI JAMBATAN SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN (JSHOAS)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa, sempena memperingati penamaan rasmi Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (JSHOAS), BDCB akan mengeluarkan duit syiling kenang-kenangan berbentuk emas, perak dan kupronikel. Duit syiling kenang-kenangan ini adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam. Keterangan lanjut duit syiling kenang-kenangan ini adalah seperti berikut:

Type	Emas (Edisi Khas 1)	Emas (Edisi Khas 2)	Perak	Kupronikel
Nilai Muka	\$300	\$300	\$30	\$3
Komposisi	999.9 Emas	999.9 Emas	999 Perak	Kupronikel
Berat (gm)	40.00 gm	40.00 gm	40.00 gm	31.10 gm
Ukuran (mm)	36.00 mm	36.00 mm	45.00 mm	40.00 mm
Kualiti	<i>Proof</i>	<i>Proof</i>	<i>Proof</i>	<i>Proof</i>
Harga Jualan	BND4,000.00	BND4,000.00	BND300.00	BND110.00

2. Jualan bagi duit syiling kenang-kenangan ini akan bermula pada hari Selasa, 13 Rabiulakhir 1444H bersamaan dengan 8 November 2022M. Orang ramai yang berminat untuk membeli duit syiling kenang-kenangan tersebut bolehlah mengunjungi:

**Tempat:**

BDCB Currency Gift Shop  
Brunei Darussalam Central Bank  
Tingkat 1, Bangunan BCMB  
Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam

**Waktu:**

Hari	Waktu
Setiap Isnin hingga Khamis [*Bermula Selasa, 8 November 2022]:	8.30 pagi - 11.30 pagi
	2.00 petang - 4.30 petang
Jumaat:	8.30 pagi - 11.00 pagi
	Tutup di sebelah petang

3. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web BDCB [www.bdcdb.gov.bn](http://www.bdcdb.gov.bn) atau melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 9 Rabiulakhir 1444H/ 4 November 2022M

Rujukan: BDCB/COMMS/3